



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

RASIONALISASI SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

Merujuk kepada Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertajuk Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam bertarikh 26 Disember 2018, JPA ingin memaklumkan bahawa inisiatif kawalan saiz Perkhidmatan Awam yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam pada 23 Oktober 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bukanlah perkara baharu malah ianya telah dimulakan sejak tahun 2015 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam (JKK-TPA) Bil.1 Tahun 2015. Ini merupakan kesinambungan daripada usaha merasionalisasikan saiz perkhidmatan awam yang mula diperkenalkan sejak tahun 2008.

Perlaksanaan rasionalisasi ini juga hanya melibatkan perjawatan yang tidak diisi dan tidak digunakan bagi tempoh melebihi 2 tahun. **Kaedah bagi pelaksanaan pengurangan perjawatan ini tidak melibatkan penjawat awam sedia ada** tetapi melalui pelbagai kaedah lain antaranya pengoptimuman sumber manusia, penyusunan semula perjawatan (*redeployment*) bagi mengelakkan pertindihan fungsi, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*), gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan semasa. Justeru, usaha ini adalah berpaksikan kepada produktiviti dan penggunaan sumber manusia secara cekap dan optimum dalam Perkhidmatan Awam.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 25 Januari 2019
Tel : 03 - 8885 3096/ 019 355 1154
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (19)